

SURAH BINTANG



Surah: 53 Juzuk: 27 Bil. Ayat: 62

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Demi bintang ketika ia terbenam.
2. Sahabat kamu (Muhammad) tidak sesat dan tidak pula keliru.
3. Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu) mengikut nafsu.
4. Tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.
5. (Wahyu itu) diajarkan kepadanya oleh (malaikat Jibril) yang sangat kuat.
6. Yang mempunyai keteguhan, kemudian ia memperlihatkan dirinya (kepada Muhammad) dengan rupanya yang asal.
7. Sedangkan ia berada di ufuk yang tinggi (di langit).
8. Kemudian ia mendekati dirinya (kepada Muhammad), lalu bertambah dekat.
9. Sehingga jaraknya (dengan Muhammad) sekadar dua hujung busur panah atau lebih dekat lagi.
10. Maka Allah mewahyukan kepada hambaNya (Muhammad) apa yang telah diwahyukanNya.
11. Hati (Muhammad) tidak mendustakan apa yang dia perhatikan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالنَّجْمِ إِذَا هَوَىٰ ①

مَا صَلَ صَاحِبِكُمْ وَمَا عَوَىٰ ②

وَمَا يَبْطِئُ عَنِ الْهَوَىٰ ③

إِن هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ④

عَلَّمَهُ شَدِيدُ الْقُوَىٰ ⑤

ذُو مِرَّةٍ فَاسْتَوَىٰ ⑥

وَهُوَ بِالْأُفُقِ الْأَعْلَىٰ ⑦

ثُمَّ دَنَا فَتَدَلَّىٰ ⑧

فَكَانَ قَابَ قَوْسَيْنِ أَوْ أَدْنَىٰ ⑨

فَأَوْحَىٰ إِلَىٰ عَبْدِهِ مَا أَوْحَىٰ ⑩

مَا كَذَبَ الْفُؤَادُ مَا رَأَىٰ ⑪

12. Apakah kamu hendak membantah apa yang telah diperhatikannya itu? أَفْتَمْرُ وَنُهُ عَلَيَّ مَا يَرَى ﴿١٢﴾
13. Sesungguhnya (Muhammad) telah memerhatikan (malaikat Jibril dalam rupa bentuknya yang asal) sekali lagi. وَلَقَدْ رَآهُ نَزْلَةً أُخْرَى ﴿١٣﴾
14. Di «Sidratul Muntaha». ⁽¹⁾ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَى ﴿١٤﴾
15. Yang di sisinya terletak syurga «al-Makwa». عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَى ﴿١٥﴾
16. (Muhammad melihat Jibril) ketika «Sidratul Muntaha» itu diliputi oleh sesuatu yang meliputi. إِذْ يَغْشَى السِّدْرَةَ مَا يَغْشَى ﴿١٦﴾
17. Penglihatan (Muhammad) tidak menyimpang daripada apa yang dilihatnya dan tidak pula melampauinya. مَا زَاغَ الْبَصَرُ وَمَا طَغَى ﴿١٧﴾
18. Sesungguhnya dia telah memerhatikan sebahagian daripada tanda-tanda kekuasaan Tuhannya. لَقَدْ رَأَى مِنْ آيَاتِ رَبِّهِ الْكُبْرَى ﴿١٨﴾
19. (Wahai kaum musyrik Mekah) maka adakah kamu perhatikan «al-Laah» dan «al-Uzza». أَفَرَأَيْتُمُ اللَّاتَ وَالْعُزَّىٰ ﴿١٩﴾
20. Dan «Manaat» ⁽²⁾ yang ketiga, yang bertaraf rendah lagi hina itu (layak disembah dan dianggap anak perempuan Allah)? وَمَنْوَةَ الثَّالِثَةَ الْاُخْرَى ﴿٢٠﴾

1 Sidratul Muntaha iaitu tempat yang tertinggi di atas langit yang ke-7, yang telah dikunjungi Nabi Muhammad s.a.w ketika peristiwa Mikraj.

2 Al-Lata, al-Uzza dan Manat adalah nama-nama berhala yang disembah orang Arab jahiliyah dan dianggap sebagai anak-anak perempuan Allah.

21. Apakah patut untuk kamu anak lelaki (yang kamu sukai), dan untuk Allah anak perempuan (yang kamu benci)?
22. Pembahagian yang demikian itu pasti suatu pembahagian yang tidak adil.
23. Benda yang kamu sembah itu hanyalah berhala-berhala yang kamu dan nenek moyang kamu menamakannya. Allah tidak sama sekali menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya. Mereka hanya mengikut sangkaan dan apa yang diinginkan oleh nafsunya. Sedangkan telah datang kepada mereka hidayah daripada Tuhan mereka.
24. Adakah manusia tetap akan dapat mencapai segala yang dicita-citakannya? (Tidak!).
25. Maka bagi Allah semua urusan akhirat dan dunia.
26. Dan berapa banyak malaikat di langit, syafaat mereka tidak mendatangkan sebarang manfaat kecuali setelah Allah mengizinkan untuk sesiapa yang Dia kehendaki dan Dia redai.
27. Sesungguhnya orang yang tidak beriman kepada hari akhirat, mereka menamakan para malaikat itu dengan nama perempuan.
28. Sedangkan mereka tidak mempunyai sebarang ilmu tentangnya. Mereka hanyalah

أَلَكُمُ الذَّكَرُ وَلَهُ الْأُنثَىٰ ﴿١١﴾

تِلْكَ إِذَا قَسَمَةٌ ضَيْرَىٰ ﴿١٢﴾

إِنَّ هِيَ إِلَّا أَسْمَاءٌ سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَآبَاءُكُمْ مِمَّا
 أَنْزَلَ اللَّهُ بِهِمَا مِنْ سُلْطَانٍ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ
 وَمَا تَهْوَى الْأَنْفُسُ وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مِنْ رَبِّهِمْ
 الْهُدَىٰ ﴿١٣﴾

أَمْ لِلْإِنْسَانِ مَا تَمَنَّىٰ ﴿١٤﴾

فَلِلَّهِ الْآخِرَةُ وَالْأُولَىٰ ﴿١٥﴾

﴿ وَكَمْ مِنْ مَلَائِكَةٍ فِي السَّمَوَاتِ لَا تُعْنَى
 شَفَعَتْ لَهُمْ شَيْئًا إِلَّا مِنْ بَعْدِ أَنْ يَأْذَنَ اللَّهُ لِمَنْ
 يَشَاءُ وَيَرْضَىٰ ﴿١٦﴾

إِنَّ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ لَيَسُبُّونَ
 الْمَلَائِكَةَ تَسْمِيَةً الْأُنثَىٰ ﴿١٧﴾

وَمَا لَهُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنَّ
 الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا ﴿١٨﴾

mengikuti sangkaan semata-mata, sedangkan sangkaan itu tidak bermanfaat sedikit pun terhadap kebenaran.

29. Maka tinggalkanlah (wahai Muhammad) orang yang berpaling daripada mengingati Kami dan yang hanya mengingini kehidupan dunia.
30. Itulah kadar ilmu mereka. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui orang yang tersesat dari jalanNya, dan Dialah yang lebih mengetahui orang yang mendapat hidayah.
31. Dan bagi Allah apa yang ada di langit dan di bumi, untuk membalas orang yang melakukan kejahatan mengikut apa yang mereka lakukan, dan membalas orang yang melakukan kebaikan dengan ganjaran yang paling baik.
32. (Iaitu) orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan keji, kecuali kesalahan yang kecil. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunannya. Dia lebih mengetahui keadaan kamu sejak Dia menciptakan kamu daripada tanah, dan ketika kamu masih janin yang melalui pelbagai peringkat kejadian dalam perut ibu kamu. Maka janganlah memuji diri kamu sendiri. Dialah yang lebih mengetahui orang yang bertakwa.

فَأَعْرِضْ عَنْ مَن تَوَلَّىٰ عَنْ ذِكْرِنَا وَلَوْ يُرِيدُ إِلَّا
الْحَيٰوةَ الدُّنْيَا ﴿٢٩﴾

ذٰلِكَ مَبْلَغُهُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن
ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَن اهْتَدَىٰ ﴿٣٠﴾

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ لِيَجْزِيَ
الَّذِينَ أَسْتَوٰٓا يَمَاعِلَهُمْ ۖ وَيَجْزِيَ الَّذِينَ أَحْسَنُوا
بِأَلْحَسَنَىٰ ﴿٣١﴾

الَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كِبْرَ الْأِثْمِ وَالْفَوَاحِشِ إِلَّا
الَّتَمَّ إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعٌ الْمَغْفِرِ ۗ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ
إِذَا أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَإِذَا أَنْتُمْ أَجِنَّةٌ فِي بُطُونِ
أُمَّهَاتِكُمْ ۗ فَلَا تُزَكُّوْا أَنْفُسَكُمْ ۖ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن
اتَّقَىٰ ﴿٣٢﴾

33. Adakah engkau perhatikan (keburukan) orang yang berpaling (daripada al-Quran)?
34. Dan setelah dia memberi sedikit daripada pemberiannya, dia menahannya (kerana mengikut nafsunya)?
35. Adakah dia mempunyai ilmu tentang perkara ghaib sehingga dia dapat memerhatikan (bahawa orang lain boleh menanggung azab daripada apa yang akan menimpanya pada hari akhirat)?
36. Atau dia belum diberitahu tentang apa yang terkandung dalam kitab Musa.
37. Dan (dalam kitab) Ibrahim yang selalu menunaikan janji?
38. (Dalam kitab itu ditegaskan): Bahawasanya seseorang yang berdosa tidak akan menanggung dosa orang lain.
39. Dan bahawasanya tiada (balasan) bagi seseorang melainkan apa yang diusahakannya.
40. Dan bahawa usahanya itu akan diperlihatkan (kepadanya pada hari kiamat kelak).
41. Kemudian usahanya itu akan dibalas dengan balasan yang paling setimpal.
42. Dan bahawasanya kepada Tuhanmulah tempat kesudahan.

أَفَرَأَيْتَ الَّذِي تَوَلَّى ﴿٢٣﴾

وَأَعْطَى قَلِيلًا وَأَكْدَى ﴿٢٤﴾

عِنْدَهُ عِلْمُ الْغَيْبِ فَهُوَ يَرَى ﴿٢٥﴾

أَمْ لَمْ يُنَبِّأْ بِمَا فِي صُحُفِ مُوسَى ﴿٢٦﴾

وَإِبْرَاهِيمَ الَّذِي وَفَّى ﴿٢٧﴾

الَّذِينَ زُرُوا وَزُرُوا وَزُرُوا آخَرَى ﴿٢٨﴾

وَأَنْ لَيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى ﴿٢٩﴾

وَأَنْ سَعْيَهُ سَوْفَ يُرَى ﴿٣٠﴾

ثُمَّ يُجْزَاهُ الْجَزَاءَ الْأَوْفَى ﴿٣١﴾

وَأَنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ الْمُنْتَهَى ﴿٣٢﴾

43. Dan sesungguhnya Dialah yang menjadikan orang ketawa dan menangis.
44. Dan sesungguhnya Dialah yang mematikan dan menghidupkan.
45. Dan sesungguhnya Dialah yang menciptakan pasangan lelaki dan perempuan.
46. Daripada setitis air mani ketika dipancarkan (ke dalam rahim).
47. Dan sesungguhnya Dialah yang menghidupkan kembali.
48. Dan sesungguhnya Dialah yang memberikan kekayaan dan mencukupkan (sesuatu).
49. Dan sesungguhnya Dialah Tuhan yang memiliki bintang Syi'ra.⁽¹⁾
50. Dan sesungguhnya Dialah yang membinasakan kaum «'Aad» yang pertama (kaum Hud).
51. Dan kaum «Thamud». Maka tiada seorang pun yang kekal.
52. Dan kaum Nuh sebelum itu. Sesungguhnya mereka adalah orang yang sangat zalim dan sangat melampaui batas.
53. Dan bandar yang diterbalikkan itu, Dialah yang (mengangkatnya ke angkasa dan) menghempaskannya ke bumi.
54. Lalu (penduduk) bandar itu diselubungi azab yang meliputinya.

وَأَنَّهُ هُوَ أَضْحَكَ وَأَبْكَى ﴿٤٣﴾

وَأَنَّهُ هُوَ أَمَاتَ وَأَحْيَا ﴿٤٤﴾

وَأَنَّهُ خَلَقَ الزَّوْجَيْنِ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ ﴿٤٥﴾

مِنْ نُطْفَةٍ إِذَا تُمْنَىٰ ﴿٤٦﴾

وَأَن عَلَيْهِ الشَّمْسُ الْآخِرَىٰ ﴿٤٧﴾

وَأَنَّهُ هُوَ أَعْنَىٰ وَأَقْنَىٰ ﴿٤٨﴾

وَأَنَّهُ هُوَ رَبُّ السَّعْرَىٰ ﴿٤٩﴾

وَأَنَّهُ وَأَهْلَكَ عَادًا الْأُولَىٰ ﴿٥٠﴾

وَتَمُودًا فَمَا أَبْقَىٰ ﴿٥١﴾

وَقَوْمَ نُوحٍ مِّن قَبْلُ إِنَّهُمْ كَانُوا هُمْ أَظْلَمَ

وَاطْغَىٰ ﴿٥٢﴾

وَالْمُؤْتَفِكَةَ أَهْوَىٰ ﴿٥٣﴾

فَعَشَّهَا مَا عَشَّىٰ ﴿٥٤﴾

1 Bintang Syi'ra ialah bintang yang disembah oleh orang Arab Jahiliyah.

55. Maka yang mana satu di antara nikmat Tuhanmu yang engkau ragu-ragukan?
56. (Al-Quran) ini adalah pemberi peringatan di antara jenis-jenis peringatan yang telah lalu.
57. Telah hampir datangnya saat yang dekat itu (hari kiamat).
58. Tiada yang akan mendedahkan (kejadian) hari itu kecuali Allah.
59. Maka apakah kamu merasa hairan terhadap kata-kata al-Quran ini (sehingga kamu mengingkarinya)?
60. Serta kamu mentertawakan dan kamu tidak mahu menangis (menyesali kesalahan kamu).
61. Malah kamu melenghakkannya?
62. Maka sujudlah kepada Allah dan sembahlah.

فَبِأَيِّ آيَاتِ رَبِّكَ تَتَمَارَى ﴿٥٥﴾

هَذَا نَذِيرٌ مِنَ النَّذِيرِ الْأُولَى ﴿٥٦﴾

أَرَفَتِ الْآزِفَةَ ﴿٥٧﴾

لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ كَاشِفَةٌ ﴿٥٨﴾

أَفَمِنْ هَذَا الْحَدِيثِ تَعْجَبُونَ ﴿٥٩﴾

وَتَضْحَكُونَ وَلَا تَبْكُونَ ﴿٦٠﴾

وَأَنْتُمْ سَعِيدُونَ ﴿٦١﴾

فَأَسْجُدْوا لِلَّهِ وَأَعْبُدُوا ﴿٦٢﴾

